

LABUAN: Seramai 320 graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menyertai Majlis Perarakan Berjubah kali ke-5 yang akan diadakan pada 16 November depan.

Mereka terdiri daripada pegawai utama UMS, ahli-ahli Senat, pensyarah dan graduan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) serta Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Perarakan sejauh 1 kilometer itu bermula pukul 8.30 pagi dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan dengan tema 'Universiti dan Komuniti. Kesepaduan

# 320 graduan UMSKAL dijangka sertai Perarakan Berjubah November ini

NST 26.10.13 1  
Demi Kedaulatan Negara'

Program yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-15 di Kota Kinabalu pada 22 hingga 27 November ini merupakan satu simbolik hubungan erat antara Perbadanan Labuan yang mewakili warga Wilayah Persekutuan Labuan dengan warga UMS.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bercakap dalam majlis itu juga sebagai tanda terima kasih atas kesediaan penduduk Labuan menerima warga UMSKAL sebagai kom-

ponen penting dalam masyarakat setempat.

Majlis itu akan dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

UMS akan diwakili Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff AK Omang, Prof Dr Shahril Yusof dan Prof Madya Datuk Dr Mohd Kasim Md Mansur serta Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Dalam majlis itu, Mohd Harun

yang mewakili UMS dan Perbadanan Labuan diwakili Mohd Nadzri menandatangani skrol motion keizinan dan menyampaikan kunci dan sijil kepada wakil graduan sebagai tanda keizinan graduan menjadi warga Wilayah Persekutuan Labuan.

UMS merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang pertama di Negara ini menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan yang pernah diadakan di beberapa universiti ternama di luar negara.

Kewujudan UMSKAL ternyata

membawa kesan yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang merangkumi pembangunan, ekonomi, budaya, pertambahan penduduk, pelancongan dan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut menjayakan majlis itu ialah pancaragam PDRM Kontinjen Kepayan, Pasukan Simpanan Tentera Udara (Palapes) UMS-KAL, Siswa Pertahanan Awam UMSKAL dan kumpulan koir Perbadanan Labuan.

**-OLEH JAINUDIN DJIMIN** [jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my)